

Jangan biar soal insentif ganggu penyelidikan

UM 6 JUL 2001
Oleh JOHARDI IBRAHIM

KUALA LUMPUR 5 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan para saintis tempatan jangan membenarkan soal insentif mengganggu tumpuan mereka dalam melakukan penyelidikan.

Perdana Menteri berkata, para saintis tidak sepatutnya membandingkan kehidupan mereka dengan ahli perniagaan yang tentunya nampak lebih mewah.

“Ya, kita berasa juga iri hati dan hendak hidup seperti orang lain tetapi jangan benarkan perasaan itu terlalu menghimpit kita sehingga tidak boleh menumpukan perhatian kepada perkara lain,” katanya pada sesi dialog dengan para saintis yang menghadiri Konvensyen Sains 2001 di Hotel Palace of The Golden Horses, Seri Kembangan di sini.

Beberapa saintis yang mengemukakan soalan membangkitkan isu peruntukan yang sukar diperoleh dan insentif yang tidak mencukupi, menjejaskan tumpuan mereka untuk melakukan penyelidikan.

Saintis juga merungut kerana setakat ini belum ada insentif dalam bentuk wang diberikan kepada mereka.

Mengulas mengnainya, Dr. Mahathir menasihati para saintis agar mensyukuri nikmat lain yang diperoleh mereka.

“Saya percaya dengan menghargai setiap nikmat, kita akan merasa senang hendak menghadapi masalah. Umpamanya berada di dunia ini pun merupakan satu nikmat.

“Macam saya, setiap saat dalam kehidupan saya merupakan satu bonus,” katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan sanggup menyediakan insentif termasuk dalam bentuk wang kepada para saintis sekiranya mereka

ada penemuan dan cadangan penyelidikan yang meyakinkan.

“Kalau ada di kalangan mereka yang menghasilkan kertas kerja atau membuat penemuan yang menyumbang kepada ilmu pengetahuan, mungkin kita boleh pertimbangkan,” katanya.

Perdana Menteri turut mengulangi ingatannya semasa merasmikan Sambutan Jubli Perak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar baru-ba-

ru ini, supaya para pegawai yang mengurus dana penyelidikan lebih bersimpati dan bersikap positif terhadap permohonan para saintis.

Pada masa yang sama, beliau berkata, para saintis mesti menggunakan kemahiran mereka untuk meyakinkan orang lain terhadap cadangan penyelidikan yang hendak dijalankan.

Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa beliau akan me-

nyokong setiap usaha penyelidikan yang dilakukan oleh para saintis tempatan.

Mengenai cadangan menubahkan makmal nasional selain yang sedia ada di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai di Johor, beliau menyerahkan kepada para saintis untuk mengemukakan sendiri kertas cadangan kepada kerajaan.

“Saya bersetuju tetapi cadangan mesti datang daripada saintis sendiri sebab mereka tahu apa yang hendak dilakukan,” katanya sambil menambah adalah membazir jika kerajaan membina makmal seumpamanya tetapi tidak ada saintis yang menggunakannya.

Bagaimanapun Perdana Menteri berpendapat setiap universiti perlu mempunyai makmal sendiri yang memberi tumpuan kepada bidang sains fundamental tertentu agar dapat menyumbang kepada pembangunan sains dalam negara.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas itu, Perdana Menteri yang ditanya mengenai pelan dasar negara mengenai sains angkasa berkata, kerajaan dalam proses menyediakannya.

Mengenai kecenderungan saintis atau institusi membuat penyelidikan untuk tujuan komersial, beliau berkata, ia tidak dapat dielakkan.